



Majlis Ugama Islam Singapura
Khutbah Jumaat
18 Julai 2025 / 22 Muharram 1447H
Hijrah - Pintu Perpaduan Ummah

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّنْزِيلِ: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita hiasi diri dengan takwa kepada Allah s.w.t. — takwa yang membimbing hati agar taat kepada setiap perintah-Nya, dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga takwa itu menjadi suluh dalam gelita, dan membawa kebaikan dalam kehidupan kita. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

Saudara,

Mengapakah manusia diciptakan berbeza-beza? Mengapa kita tidak diciptakan sebagai satu bangsa yang sama?

Jawapannya ada pada ayat 13 Surah Al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ
شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: “*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu saling **mengenal***. Sesungguhnya, yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah, ialah yang paling bertakwa. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.”

Sidang jemaah yang mulia,

Allah menyuruh kita menjalin hubungan sesama insan, jalinan yang adil dan **harmoni** yang berpaksikan pada ketakwaan — dan bukan sekadar didasari oleh bangsa, bahasa, warna kulit mahupun keturunan. Didikan ini tergambar indah dalam lipatan sejarah penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke kota Madinah. Ia merupakan titik tolak terbentuknya sebuah masyarakat yang berbilang suku bangsa dan kaum tetapi bersatu hati, saling **menghormati** dan hidup dalam suasana **harmoni**.

Di kota Madinah, Baginda s.a.w. mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar. Baginda s.a.w. turut memeterai Piagam

Madinah — sebuah perjanjian yang menjamin hak setiap penduduk, termasuk golongan bukan Islam, untuk hidup aman, damai, dan bebas dari segala bentuk kezaliman. Inilah bukti bahawa Islam menjunjung tinggi prinsip kesaksamaan, kesatuan, dan **keharmonian** merentas agama dan bangsa.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَذْهَبَ عَنْكُمْ عُبْيَةَ الْجَاهِلِيَّةِ وَفَخَّرَهَا بِالْأَبَاءِ، مُؤْمِنٌ تَقِيٌّ،
وَفَاجِرٌ شَقِيٌّ، أَنْتُمْ بَنُو آدَمَ، وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ.

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah telah menghapuskan dari kamu kebanggaan jahiliyah dan kemegahan dengan keturunan. Seseorang itu hanyalah seorang mukmin yang bertakwa, atau seorang penderhaka yang celaka. Kamu semua adalah anak-anak Adam, dan Adam berasal daripada tanah.”*
(Hadith Riwayat Abi Daud)

Sidang Jumaat sekalian,

Mari kita hayati dua pengajaran penting daripada peristiwa hijrah yang wajar kita renungkan dan dijadikan amalan.

Yang Pertama: Melihat perbezaan sebagai jambatan kasih, bukan jurang kebencian.

Saudara, perbezaan dalam paras rupa, bangsa dan latar belakang adalah ketentuan Allah s.w.t. Ia bukan satu kesilapan, tetapi merupakan satu ujian – untuk melihat sejauh mana kita

mampu berlaku adil, berlaku ihsan serta menyemai kasih sayang.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Hujurat, ayat 11 yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah segolongan kaum (lelaki) menghina kaum yang lain, (kerana) kemungkinan mereka yang dihina adalah lebih baik daripada mereka. (Dan janganlah pula segolongan kaum) wanita menghina wanita lain, boleh jadi mereka yang dihina lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu (saling) mencela sesama sendiri dan janganlah (saling) memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat maka merekalah orang-orang yang zalim."*

Saudaraku, apa yang kita dapat fahami dari ayat ini adalah sesungguhnya Allah s.w.t. melarang keras segala bentuk celaan dan perlekehan sesama manusia. Kemuliaan manusia tidak diukur pada asal-usul atau rupa semata-mata, tetapi pada iman dan takwa yang menghuni jiwa.

Sungguh, sikap menghina dan memperkecilkan orang lain hanya akan menyalakan api kebencian, menggugat **keharmonian**, dan meretakkan semangat perpaduan. Sebaliknya, Islam mengajak kita untuk bersikap rendah hati, saling **mengenali**, saling **menghormati**, serta menjauhi kata-kata yang melukai.

Yang Kedua: Menghias lisan dengan sulaman yang menyatukan, bukan menjatuhkan.

Dalam sebuah hadith riwayat Imam Muslim, Nabi s.a.w. pernah menegur Abu Dzar r.a. kerana memanggil seseorang dengan perkataan yang berbaur perkauman:

إِنَّكَ امْرُؤٌ فِيكَ جَاهِلِيَّةٌ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya, engkau seorang yang masih ada sisa jahiliyah dalam dirimu.”*

Bayangkan, sekiranya junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w., seorang nabi dan rasul, yang dimuliakan Allah dengan pelbagai mukjizat, menolak segala bentuk diskriminasi, dan sikap yang merendahkan orang lain kerana perbezaan warna kulit, bahasa, keturunan atau bangsa, mengapa harus kita, yang belum terjamin tempat di syurga Allah, merasakan diri ini lebih mulia dari yang lain, dan sanggup menuturkan ucapan-ucapan yang menjatuhkan?

Islam yang sebenar mendorong manusia untuk **mengenali**, bukan mencaci. Islam mendidik kita **menghormati**, bukan membenci. Islam meletakkan kemuliaan pada mereka yang bertakwa, yang tunduk pada keagungan Allah, dan menuruti perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Lidah kita adalah nikmat dan amanah daripada Yang Maha Esa. Gunakanlah ia dengan sebaiknya. Tuturkanlah kata-kata yang menggembirakan lagi menyatukan. Layanilah sesama kita dengan **hormat** dan ihsan, kerana di situlah letaknya benih **keharmonian**. Kezaliman terhadap satu sama lain bukan sahaja mencalar nilai kemanusiaan, bahkan menjerumuskan kita ke lembah dosa di sisi Tuhan.

Sidang Jumaat yang dihormati,

Usaha Nabi s.a.w. dalam mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar, serta membina hubungan damai dengan golongan bukan Islam selepas Hijrah, membuktikan bahawa Islam adalah cahaya yang menyinari jalan persaudaraan, kesaksamaan dan **keharmonian**.

Islam menyeru kepada masyarakat yang menyemai kasih di tengah kepelbagaian. Di dunia ini, kita diamanahkan menjadi pembawa rahmat dan penyeru keadilan. Bukan sekadar sesama Islam, tetapi untuk seluruh umat manusia, tanpa batasan.

Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita ummat yang menyulam kedamaian, menjalin ukhuwah tanpa menghiraukan perbezaan, agar rahmat-Nya mengiringi setiap langkah, di dunia dan di akhirat. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَهُ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةٍ وَفِي فَلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزَنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ

فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اَللّٰهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ
لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.